



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 21 Februari 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

720 liter diesel, petrol dirampas

Tumpat: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan merampas 570 liter diesel dan 150 liter petrol dalam tiga serbuan berasingan di Kampung Telaga Lanas, Pengkalan Kubor, kelmarin.

Serbuan dilakukan di tiga rumah yang dijadikan lokasi transit sebelum bahan bakar itu diseludup ke Thailand melalui pangkalan haram di Pengkalan Kubor.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail, berkata serbuan pertama bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Timur Pengkalan Kubor pada jam 12 tengah hari kelmarin di sebuah rumah di kampung itu sebelum menemui 150 liter petrol.

"Barang kawalan itu dijumpai dalam sebuah kenderaan SsangYong Rexton berpendaftaran tempatan yang sudah diubah suai tangkinya.

"Bagaimanapun pemandunya tiada di lokasi dipercayai sudah

melarikan diri sebaik mengetahui kehadiran pasukan," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Azman berkata, serbuan kedua dilakukan jam 12.15 dan pasukannya berjaya menyita sejumlah tong plastik yang mengandungi 345 liter diesel yang diletakkan di hadapan sebuah rumah.

Seterusnya jam 4.30 petang kelmarin, seorang lelaki berusia 20-an yang juga pemandu lori ditahan selepas 225 liter diesel ditemui dalam lori Hicom.

Azman berkata, barang kawalan itu diisi dalam tong plastik sebelum ditutup dengan kain bagi mengaburi pihak berkuasa.

"Ketiga-tiga kes menjalankan modus operandi sama iaitu dengan membuat pengisian berulang di stesen minyak di Kota Bharu sebelum membawa barang kawalan itu ke lokasi transit di sekitar Pengkalan Kubor.

Seludup diesel ke Thailand tumpas

TUMPAT: Taktik seorang lelaki menggunakan lori untuk menyeludup minyak diesel ke negara jiran terbongkar selepas dia dicekup anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KDPN) Kelantan semalam.

Lelaki berusia 20 tahun itu diberkas dalam serbuan di sebuah rumah pada pukul 4.30 petang di Kampung Telaga Lanas, Pengkalan Kubor di

sini.

Pengarahnya Azman Ismail berkata, hasil pemeriksaan yang dijalankan ke atas lori berkenaan menjumpai minyak diesel di dalam beberapa tong *jerry can* yang ditutup dengan kain.

“Kita dapati tindakan itu bertujuan mengaburi mata pihak berkuasa. Hasil soal siasat yang dijalankan mendapati suspek menjadikan rumah tersebut transit sementara.

“Terdahulu, kita mengesan lori tersebut membuat pengisian berulang dari kawasan Kota Bharu,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Azman memberitahu, bahan api itu kemudian akan dibawa ke pangkalan haram sekitar Tumpat untuk diseludup ke negara jiran melalui laluan tidak diwartakan.

Katanya, kes disiasat dibawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Ulang alik isi minyak di Kota Bharu sebelum diseludup ke Thailand

Tumpat: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merampas 570 liter diesel dan 150 liter petrol dalam tiga serbuan berasingan di Kampung Telaga Lanas, Pengkalan Kubor di sini, kelmarin.

Serbuan itu dibuat terhadap tiga rumah yang dijadikan lokasi transit sebelum bahan bakar itu diseludup ke Thailand melalui pangkalan haram di Pengkalan Kubor.

Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail berkata, serbuan pertama dibuat bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Timur Pengkalan Kubor pada jam 12 tengah hari semalam di sebuah rumah di kampung itu sebelum menemui 150 liter petrol.

"Barang kawalan itu dijumpai dalam sebuah kenderaan tempatan diubah suai tangkinya.

"Bagaimanapun, pemandunya tiada di lokasi dipercayai melarikan diri sebaik mengetahui kehadiran pasukan operasi," katanya dalam kenyataan media di sini, semalam.

Azman berkata, serbuan kedua dibuat jam 12.15 tengah hari dan pasukannya menyita sejumlah tong plastik mengandungi 345 liter diesel diletakkan di hadapan sebuah rumah.

Seterusnya pada jam 4.30 petang semalam, seorang lelaki berusia 20-an yang juga pemandu lori ditahan selepas 225 liter diesel ditemukan dalam lori dipandunya.

Menurut Azman, barang kawalan itu diisi dalam tong plastik sebelum ditutup dengan kain bagi mengaburi pihak berkuasa.

"Ketiga-tiga kes itu melakukan modus operandi sama iaitu dengan membuat pengisian berulang di stesen minyak di sekitar Kota Bharu sebelum membawa barang kawalan itu ke lokasi transit di Pengkalan Kubor.

"Diesel dan petrol itu dibawa ke mana-mana pangkalan haram untuk diseludup ke Thailand menerusi Sungai Golok.

"Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1960," katanya.



SEJUMLAH tong plastik berisi 345 liter diesel diletakkan di hadapan rumah di Kampung Telaga Lanas, Pengkalan Kubor yang dijadikan lokasi transit sebelum diseludup.

Taktik simpan diesel di rumah berjaya dihidu KPDN

TUMPAT - Taktik seorang penyeludup menyimpan 225 liter minyak diesel di rumahnya di Telaga Lanas, Pengkalan Kubor di sini berjaya dihidu oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), pada Isnin.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, hasil siasatan awal mendapati lelaki berusia 20-an itu memberi alasan minyak yang disimpan adalah untuk kegunaan jentera menuai padi.

"Operasi jam 4.30 petang itu melibatkan penguat kuasa KPDN Kelantan yang telah mengadakan Ops Pencegahan Ketirisan Barang Kawalan di sempadan negara sekitar Tumpat.

"Semasa serbuan, barang kawalan itu telah dijumpai berada di dalam sebuah kenderaan jenis lori Hicom berpendaftaran tempatan," katanya semasa dihubungi pada Selasa.

Menurutnya, muatan minyak diesel yang diisi di dalam tong jerikin itu dilitupi dengan kain bagi mengaburi pihak berkuasa.

Ujarnya, suspek yang merupakan pemandu kenderaan tersebut ditahan dan kes disiasat bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Tambahnya, hasil maklumat risikan, suspek tersebut membuat pengisian berulang kali disyaki dari Kota Bharu.

"Suspek membawa muatan bahan bakar barang kawalan bagi melakukan kegiatan penyelewengan yang akan dibawa ke pengkalan haram sekitar Tumpat untuk diseludup ke negara jiran melalui pangkalan haram," jelasnya.



KPDN rampas 225 liter minyak diesel yang disimpan di rumah di Telaga Lanas, Pengkalan Kubor, Tumpat.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KPDN akan siasat dakwaan wujud kartel beras



Armizan berucap di majlis Prakarsa Pendayaupayaan Pengguna di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Kementerian gesa pihak miliki maklumat tampil bantu siasatan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mahu pihak yang ada maklumat berkaitan dakwaan wujud kartel dalam industri beras negara supaya sarurkan kepadanya.

Menteri, Datuk Mohd Armizan Ali, berkata pihaknya memberi jaminan akan menyiasat maklumat berkenaan jika terbukti wujud kegiatan sedemikian.

Katanya, KPDN menerusi Suruhanjaya Persaingan (MyCC) sentiasa terbuka untuk mengambil tindakan sewajarnya jika Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) atau mana-mana pihak mempunyai maklumat berkaitan perkara itu.

"Sejak berkuat kuasa Akta Kawalan Padi dan Beras 1994, bidang kuasa kawal selia berkaitan industri padi dan beras terletak di bawah KPKM.

"Namun, jika ada isu yang disebut mengenai kartel beras ini, KPDN khususnya MyCC, kita terbuka sekiranya KPKM atau pihak tertentu ada maklumat, boleh salurkannya kepada MyCC," katanya semalam.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bahawa cadangan pelaksanaan beras putih Malaysia MADANI, mampu mengekang industri beras negara daripada kawalan pihak kartel.

Perdana Menteri semalam, menegaskan cadangan untuk melaksana beras putih Malaysia MADANI, mampu mengekang industri beras negara daripada kawalan pihak kartel.

Sehingga kini, katanya, kerajaan belum memutuskan pelaksanaan cadangan berkenaan.

Bagaimanapun, beliau berkata, cadangan itu akan diteliti dan dibincang dalam mesyuarat Jawatankuasa Menangani Harga Makanan dan Kos Sara Hidup, Mesyuarat Khas Majlis Tinda-

kan Sara Hidup Negara (NACCOL).

Mohd Armizan berkata, isu berkaitan inisiatif dan penambahbaikan serta pemodenan industri beras dan masih di bawah bidang kuasa KPKM.

"Adalah lebih baik jika Menteri KPKM, Datuk Seri Mohamad Sabu yang menjawab isu terbabit," katanya.

Terdahulu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dalam kenyataannya menjelaskan kerajaan belum memutuskan pengenalan satu gred beras putih dikenali beras putih Malaysia MADANI seperti diumumkan Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal merangkap Pengerusi Jawatankuasa Menangani Harga Makanan dan Kos Sara Hidup, NACCOL.

Pengumuman Syed Hussin berhubung penjualan beras putih Malaysia Madani berharga RM30 bagi kampil 10 kilogram (kg) mulai 1 Mac ini, menggantikan beras putih tempatan (SST) dan beras putih import (SSI) menimbulkan persoalan ramai termasuk dalam kalangan pemain in-

dustri peruncitan.

Mesyuarat NACCOL dijadual akan berlangsung Jumaat ini.

DPN 2.0 lebih holistik

Sementara itu, Armizan berkata, Dasar Pengguna Negara (DPN) 2.0 yang lebih holistik, mengambil kira situasi perkembangan ekonomi, tuntutan semasa dan keperluan agenda kepenggunaan akan dilancarkan pada suku ketiga tahun ini.

Katanya, DPN 2.0 akan dilancarkan bersama Pelan Tindakan Kepenggunaan 2030 (PTK 2030).

Katanya, dasar terbabit berlandaskan tiga teras iaitu penyeritaan rakyat, perundangan dan penguatkuasaan serta pendidikan nilai kepenggunaan.

"Dasar Pengguna Negara pertama dilancarkan pada 2002 dan selepas dua dekad, kita akan melancarkan DPN 2.0 dengan penambahbaikan serta pengukuhan kepada dasar sedia ada.

"Dasar ini berteraskan tiga perkara yang menjadi komponen penting kerana kita mahu DPN 2.0 bukan hanya sekadar menjadi satu dasar kerajaan, sebaliknya digerakkan secara menyeluruh," katanya.



ARMIZAN (duduk, tengah) ketika mendengar soalan yang diajukan seorang hadirin pada Sesi Dialog 3P-KPDN di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di Putrajaya semalam. — FAIZ ALIF ZUBIR

Salur maklumat ke MyCC jika ada pihak kawal industri padi, beras

KPDN siasat jika wujud kartel

Oleh MUHAMMAD NAJIEB
AHMAD FUAD

PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi jaminan akan melakukan siasatan sekiranya wujud aktiviti kartel membabitkan industri padi dan beras di negara ini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, pihaknya melalui Suruhanjaya Persaingan (MyCC) sentiasa terbuka menerima sebarang maklumat daripada semua pihak untuk melakukan penyiasatan berhubung perkara berkenaan.

KPKM nafi wujud kartel, mafia harga padi

PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menegaskan wujud kartel atau mafia harga beras di negara ini. KPDN menegaskan, pihak yang mengawal harga beras adalah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

KERATAN Kosmo! 6 Januari 2024.

“Sejak berkuat kuasa Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 bidang kuasa kawal selia berkaitan industri padi negara ini terletak di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

“Ada isu-isu yang disebut kartel beras, melalui MyCC kita terbuka sekiranya KPKM mampu

nyai maklumat salurkan kepada MyCC dan kita akan melaksanakan penyiasatan tentang aspek tersebut,” katanya selepas libat urus Prakarsa Pendayaupayaan Pengguna (3P-KPDN) di sini semalam.

Kelmarin, media melaporkan, cadangan mewujudkan Beras Putih Malaysia Madani akan membantu negara dalam menyekat campur tangan kartel terhadap industri beras sekaligus memastikan jaminan kepada bekalan makanan ruji rakyat Malaysia itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dipetik berkata,

sehubungan itu, beliau menyangkal dakwaan yang mengatakan cadangan tersebut dikatakan akan menyokong tindakan kartel beras di negara ini.

Dalam pada itu, Armizan berkata, berhubung inisiatif, penambahbaikan dan pemodenan beras dan sebagainya adalah merupakan tanggungjawab KPKM.

Terdahulu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dalam kenyataan menjelaskan, kerajaan belum memutuskan pengenalan satu gred beras putih dikenali Beras Putih Malaysia Madani.

DPN 2.0 dilancar suku ketiga tahun ini

PUTRAJAYA – Dasar Pengguna Negara (DPN) 2.0 yang lebih menyeluruh akan dilancarkan pada suku ketiga tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, selain DPN 2.0, turut akan dilancarkan ialah Pelan Tindakan Kepenggunaan 2030 (PTK 2030).

Dasar itu bakal melibatkan tiga teras iaitu penyertaan rakyat, perundangan dan penguatkuasaan serta pendidikan nilai kepenggunaan.

"DPN pertama dilancarkan pada 2002 dan selepas dua dekad, kita akan melancarkan DPN 2.0 dengan penambahbaikan serta pengukuhan kepada dasar sedia ada.

"Dasar ini berteraskan tiga perkara yang menjadi komponen penting kerana kita mahu DPN 2.0 bukan hanya sekadar menjadi satu dasar kerajaan, sebaliknya digerakkan secara menyeluruh," katanya selepas sesi libat urus Prakarsa Pendayaupayaan Pengguna (3P-KPDN) di sini semalam.

Armizan berkata, DPN 2.0 juga akan merangkumi penambahbaikan pelbagai aspek melibatkan perundangan agar ia juga dapat melindungi hak serta daya ketahanan pengguna.

"Kita akan melihat dari aspek e-dagang dan kecerdasan buatan (AI) kerana banyak perubahan dari aspek asas ekonomi, bukan sahaja di negara ini malah dunia," ujarnya.

Beliau berkata, pihaknya kini sedang melaksanakan libat urus bersama pelbagai pihak melibatkan badan bukan kerajaan, wakil media serta pemain industri dalam menambah baik DPN 2.0 ketika ini.

Armizan berkata, selepas semua sesi libat urus itu selesai, satu memorandum akan dibawa kepada Jemaah Menteri bagi persetujuan sebelum ia dilancarkan.

Dalam perkembangan lain, Armizan berkata, pihaknya mahu menambah penjawatan pegawai penyiasat Suruhanjaya Persaingan (MyCC) dan penguat kuasa KPDN.

"Harapan MyCC dan tuntutannya semakin besar. Belanjawan 2024 sudah lulus tambahan peruntukan RM10 juta dan tambahan peruntukan ini akan kita guna sebagai bahagian daripadanya untuk memperkukuh aspek penyiasatan dalam MyCC," jelasnya.

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi jaminan sedia menyasat jika terbukti wujud aktiviti kartel dalam industri padi dan beras negara.

Menterinya, Datuk Mohd Armizan Ali berkata, pihaknya menerusi Suruhanjaya Persaingan (MyCC) sentiasa terbuka mengambil tindakan jika Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) atau mana-mana pihak ada maklumat berkaitan hal itu.

"Sejak berkuat kuasa Akta Kawalan Padi dan Beras 1994, bidang kuasa kawal selia berkaitan industri padi dan beras terletak di bawah KPKM.

"Namun jika ada isu mengenai kartel beras ini, KPDN khususnya MyCC, kita terbuka sekiranya KPKM atau pihak tertentu ada maklumat, boleh salurkan kepada MyCC," ka-

KPDN sedia siasat dakwaan jika benar wujud kartel beras

tanya, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa cadangan pelaksanaan beras putih Malaysia Madani, mampu mengekang industri beras negara daripada kawalan pihak kartel.

Perdana Menteri semalam, menegaskan cadangan melaksana beras putih Malaysia Madani, mampu mengekang industri beras negara dari kawalan pihak kartel.

Sefingga kini, kata beliau,

kerajaan belum memutuskan pelaksanaan

annya cadangan berkenaan.

Bagaimanapun beliau berkata, cadangan itu diteliti dan dibincang dalam mesyuarat Jawatankuasa Menangani Harga Makanan dan Kos Sara Hidup, Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

Mengulas lanjut, Mohd Armizan berkata, isu berkaitan inisiatif dan penambahan serta pemodenan industri beras dan masih di bawah bidang kuasa KPKM.

"Adalah lebih baik jika Menteri KPKM, Datuk

Seri Mohamad Sabu menjawab isu terbabit," katanya.

Terdahulu, Mohamad dalam

kenyataannya menjelaskan kerajaan belum memutuskan pengenalan satu gred beras putih dikenali beras putih Malaysia Madani seperti diumumkan Pengerusi NACCOL, yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal.

Pengumuman Syed Hussin berhubung penjualan beras putih Malaysia Madani berharga RM30 bagi kimpit 10kg mulai 1 Mac ini, menggantikan beras putih tempatan (SST) dan beras putih import (SSI) menimbulkan persoalan ramai termasuk dalam kalangan pemain industri peruncitan.

Mesyuarat NACCOL dijadual berlangsung Jumaat ini.

Mesyuarat NACCOL
dijadual berlangsung
Jumaat ini

MYCC sedia siasat jika wujud aktiviti kartel beras - Armizan

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi jaminan akan menjalankan siasatan sekiranya terbukti wujud aktiviti kartel dalam industri padi dan beras negara.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sentiasa terbuka untuk mengambil tindakan sewajarnya jika maklumat berkaitan perkara itu dapat disalurkan.

"Sejak berkuat kuasa Akta Kawalan Padi dan Beras 1994, bidang kuasa kawal selia berkaitan industri padi dan beras terletak di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

"Namun, jika ada isu yang disebut mengenai kartel beras ini, KPDN khususnya MyCC, kita terbuka sekiranya KPKM atau pihak tertentu ada maklumat, boleh

“

Sejak berkuat kuasa Akta Kawalan Padi dan Beras 1994, bidang kuasa kawal selia berkaitan industri padi dan beras terletak di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)."

- Armizan



salurkannya kepada MyCC," katanya kepada pemberita pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa cadangan pelaksanaan beras putih Malaysia Madani mampu mengekang industri beras negara daripada kawalan pihak kartel.

Pada Isnin, Anwar berkata, cadangan melaksanakan beras putih Malaysia Madani akan diteliti dan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Menangani Harga Makanan dan Kos Sara Hidup, Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Jumaat ini. - Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Beras Madani beri impak kenaikan harga makanan

JOHOR BAHRU – Hasrat memperkenalkan beras putih Malaysia Madani dilihat akan memberi impak terhadap peningkatan kos sara hidup rakyat selain berlaku kenaikan harga makanan.

Yang di-Pertua Majlis Tindakan Pengguna Negara (MTPN) Negeri Johor, Noorman Kam-sani berkata, pengenalan beras Madani itu lebih kepada penjenamaan semula sahaja dengan harga baharu yang lebih tinggi berbanding harga beras tempatan.

"Kualiti beras Madani dengan harga RM30 bagi pek 10 kilogram sepatutnya mempunyai kandungan beras hancur yang lebih baik berbanding beras super tempatan RM26 dengan kadar kandungan beras hancur sekitar lima hingga tujuh peratus.

"Kenaikan harga beras memberi impak besar terhadap kos sara hidup rakyat, apabila harga beras meningkat, ini menyebabkan kuasa beli pengguna berkurangan dan terpaksa berbelanja lebih untuk barangan dan perkhidmatan lain.

"Kenaikan harga beras juga boleh memberi kesan domino ke atas kos sara hidup keseluruhan memandangkan beras merupakan bahan mentah yang penting dalam pengeluaran



NOORMAN (kanan) menyaksikan Jimmy Puah (dua dari kiri) menyampaikan sijil kepada peserta program Grand Food Fest di Johor Bahru kelmarin.

makanan dan minuman, ini boleh menyebabkan kenaikan harga produk makanan yang berkaitan seperti roti, mi atau makanan proses lain," katanya.

Beliau ditemui pada sidang akhbar selepas program Grand Food Fest di pekarangan tempat letak kereta Aeon Mall Bandar Dato' Onn, di sini kelmarin.

Turut hadir, Ahli Parlimen Tebrau, Jimmy Puah Wee Tse; Presiden Kebangsaan MTPN, Datuk Dr. Kevy KV Yeo dan Setiausaha Agung MTPN, Masrudi Abdul Rahman.

Ujar Noorman, kenaikan harga beras itu tidak dapat dielakkan kerana pengeluar menanggung kos yang lebih tinggi untuk membeli bahan mentah beras.

"Kenaikan harga beras juga boleh jeaskan sektor lain yang berkaitan dengan pertanian seperti harga makanan haiwan.

"Jika petani terpaksa membayar lebih untuk beras sebagai makanan haiwan, mereka mungkin menaikkan harga produk ternakan mereka seperti daging, susu atau telur," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 21 FEBRUARI 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
21-Feb	KPDN sedia siasat kartel beras - Armizan	https:// www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-sedia-siasat-kartel-beras-armizan-	ASTRO AWANI
21-Feb	KPDN siasat jika wujud kartel industri padi, beras negara	https:// www.kosmo.com.my/2024/02/20/kpdn-siasat-jika-wujud-kartel-industri-padi-	KOSMO
21-Feb	KPDN sedia siasat dakwaan kartel industri beras	https:// www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1214717/kpdn-sedia-siasat-dakwaan	BERITA HARIAN
21-Feb	KPDN sedia siasat kartel beras - Armizan	https:// www.sinarharian.com.my/article/650458/berita/semasa/kpdn-sedia-siasat-kartel-beras---armizan	SINAR HARIAN
21-Feb	Kalau ada bukti KPDN sedia siasat kartel beras – Amizan	https:// malaysiagazette.com/2024/02/20/kalau-ada-bukti-kpdn-sedia-	MALAYSIA GAZETTE
21-Feb	KPDN sedia siasat kartel beras – Armizan	https:// malay-siapost.com.my/2024/02/20/kpdn-sedia-siasat-kartel-	MALAYSIA POST
21-Feb	KPDN sedia siasat jika ada unsur kartel dalam industri beras	https:// www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1062535/kpdn-sedia-siasat-jika-ada-unsur-kartel-dalam-industri-	HARIAN METRO
21-Feb	Dasar Pengguna Negara 2.0 dilancar suku ketiga tahun ini	https:// www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1214731/dasar-pengguna-negara-20-dilancar-suku-ketiga-tahun-	BERITA HARIAN
21-Feb	Dasar Pengguna Negara 2.0 dilancar suku ketiga 2024	https:// www.astroawani.com/berita-malaysia/dasar-pengguna-negara-20-dilancar-suku-ketiga-2024-459063	ASTRO AWANI

21-Feb	KPDN rampas 570 liter diesel, 150 liter petrol dalam 3 serbuan	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1062519/kpdn-rampas-570-liter-diesel-150-liter-petrol-dalam	HARIAN METRO
21-Feb	Kantoi simpan 225 liter minyak diesel di rumah	https://www.sinarharian.com.my/article/650434/edisi/kelantan/kantoi-simpan-225-liter-minyak-diesel-di	SINAR HARIAN
21-Feb	6,894 premises inspected last year, 86 offences recorded, says KPDN Bintulu chief	https://www.theborneopost.com/2024/02/20/6894-premises-inspected-last-year-86-offences-recorded-says	THE BORNEO POST
21-Feb	Kartel padi, beras: KPDN siasat	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/kartel-padi-beras-kpdn-siasat/	UTUSAN MALAYSIA
21-Feb	Agenda Kepenggunaan Negara Diperkukuhkan Menerusi DPN 2.0	https://sumberkini.my/agenda-kepenggunaan-negara-diperkukuhkan-menerusi-dpn-2-0/	SUMBER KINI
21-Feb	DPN 2.0 dilancar pada suku ketiga tahun ini	https://www.kosmo.com.my/2024/02/20/dpn-2-0-dilancar-pada-suku-ketiga-tahun-ini/	KOSMO
21-Feb	DPN 2.0 launching in third quarter of 2024	https://thesun.my/local-news/dpn-20-launching-in-third-quarter-of-2024-KD12119344	THE SUN
21-Feb	DPN 2.0 akan dilancar tahun ini	https://malaysia-tribune.news/2024/02/20/dpn-2-0-akan-dilancar	MALAYSIA TRIBUNE
21-Feb	DPN 2.0 dilancar suku ketiga tahun ini	https://www.sinarharian.com.my/article/650491/berita/nasional/dpn-20-dilancar	SINAR HARIAN
21-Feb	DPN 2.0 launching in third quarter of 2024	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2271892	BERNAMA
21-Feb	MyCC ready to investigate cartel elements in national rice, padi industry	https://selangorjournal.my/2024/02/mycc-ready-to-investigate-cartel-elements-in-national-rice	SELANGOR JOURNAL

21-Feb	MyCC sedia siasat unsur kartel dalam industri padi dan beras negara	https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/20/mycc-sedia-siasat-unsur-kartel-dalam-industri-padi-dan-beras-negara	UTUSAN BORNEO
21-Feb	MyCC sedia siasat unsur kartel dalam industri padi dan beras negara - Armizan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mycc-sedia-siasat-unsur-kartel-dalam-industri-padi-dan-beras-negara-armizan-459087	ASTRO AWANI
21-Feb	Armizan: MyCC ready to investigate cartel elements in national rice, padi industry	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/20/armizan-mycc-ready-to-investigate-cartel-elements-in-national-rice-padi-industry/119053#google_vignette	MALAY MAIL
21-Feb	Armizan: MyCC ready to investigate cartel elements in national rice, padi industry	https://thesun.my/local-news/armizan-mycc-ready-to-investigate-cartel-elements-in-national-rice-padi-industry-LD12119367	THE SUN
21-Feb	MyCC ready to investigate cartel elements in national rice, paddy industry — Armizan	https://theedgemalaysia.com/node/701594	THE EDGE MALAYSIA
21-Feb	KPDN tumpas sindiket penyelewengan diesel subsidi di Port Dickson	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-tumpas-sindiket-penyelewengan-diesel-subsidi-di-port-dickson/	BULETIN TV3
21-Feb	KPDN tumpas sindiket penyelewengan diesel subsidi di Port Dickson	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2272028	BERNAMA
21-Feb	KPDN tumpas sindiket penyelewengan diesel subsidi di Port Dickson	https://www.sinarharian.com.my/article/650555/berita/semasa/kpdn-tumpas-sindiket-penyelewengan-diesel-subsidi-di-port-dickson	SINAR HARIAN
21-Feb	Kelantan KPDN thwart diesel, fuel smuggling	https://thesun.my/local-news/kelantan-kpdn-thwart-diesel-fuel-smuggling-KA12120280	THE SUN
21-Feb	KPDN KELANTAN RAMPAS 570 LITER DIESEL DAN 150 LITER PETROL	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2271914	BERNAMA
21-Feb	Rumah dijadikan lokasi transit seludup diesel, petrol	https://www.buletintv3.my/jenayah/rumah-dijadikan-lokasi-transit-seludup-diesel-petrol/	BULETIN TV3